

CNS3261

U GB 12-11 00168 BA545

bah

Mahathir - Sabah

UMNO BERHAK MINTA +PERJANJIAN 20 PERKARA+ DIKAJI, KATA MAHATHIR

KUALA LANGAT, 12 Nov (Bernama) -- Rakyat seluruh negara berhak membincangkan perjanjian 20 perkara mengenai pembentukan persekutuan Malaysia dan memintanya dikaji, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata hak membuat kajian itu bukan terletak pada Parti Bersatu Sabah (PBS) atau rakyat Sabah sahaja.

+Sebenarnya bila kita bersatu, dia bukan lagi menjadi soal Sabah. . . . jadi semua rakyat negara ini berhak untuk mengambil bahagian.

+Kalau hendak adakan pungutan suara, ia hendaklah diadakan di seluruh Malaysia, jangan buat referendum untuk dalam PBS sahaja,+ katanya kepada pemberita selepas merasmikan fasa I dan pelancaran fasa II kompleks klang kertas Genting Sanyen (Malaysia) Sdn Bhd di sini hari ini.

Ketua Menteri Sabah Datuk Joseph Pairin Kitingan, yang juga Presiden PBS berkata semalam hanya rakyat Sabah yang boleh mengkaji +Perjanjian 20 Perkara+ itu dan mempersoaltindakan UMNO hendak berdebat dengan parti itu mengenai perkara itu. -- Lagi.

♥12/11/18-56MST

CNS3270

R GB 12-11 00159 BA546

bah

.. Mahathir - Sabah 2 Kuala Langat

+Orang UMNO ada di Sabah dan mereka adalah orang Sabah juga. Apa sebab PBS sahaja boleh dikaji manakala UMNO tak ada dikaji?+ kata Dr Mahathir, yang juga Presiden UMNO.

Timbalan Presiden UMNO Encik Ghafar Baba, dalam ucapan penggulungan pada akhir Perhimpunan Agung UMNO Ahad lepas, berkata UMNO sedia berdebat dengan PBS mengenai +Perjanjian 20 Perkara+ itu setelah parti yang memerintah Sabah itu dikatakan menggunakan isu berkenaan untuk menimbulkan sikap anti-Persekutuan di kalangan rakyat negeri itu.

Dr Mahathir berkata Pairin tidak mahu isu itu diselesaikan kerana +selagi ada isu ini, dia boleh menggunakannya untuk kepentingan partinya+.

+Yang dia takut ialah kalau kita dedah sebenarnya apa yang telah dipersetujui dalam perjanjian itu, maka dia tak dapat hendak menghasut rakyat,+ katanya.

+Kita tak hendak debat perkara ini tetapi dialah yang mulakan. ..pergi sana-sini memberitahu orang kampung tentang isu 20 Perkara ini,+ katanya. -- Lagi.

♥12/11/19-02MST

CNS3300

R GB, 12-11 00150 BA550'

b a h

Mahathir - Sabah 3 Kuala Langat

Perkara 20 itu yang terkandung dalam Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan (IGC) menjadi asas kepada Sabah dan Sarawak untuk menyertai Malaya bagi membentuk Malaysia pada tahun 1963.

Perdana Menteri berkata mengikut perjanjian, kajian semula semua syarat penyatuan itu, yang memberikan hak-hak tertentu kepada Sabah dan Sarawak, akan dibuat selepas 10 tahun.

+Pada mulanya bolehlah kita timbang (keistimewaan itu) tetapi ini sudah lebih 25, tahun kita masih menghadapi masalah ini, katanya dan menambah bahawa sebagai sebuah persekutuan, sepatutnya tidak ada perbezaan antara negeri-negeri.

Katanya, PBS, menggunakan isu itu kononnya kerajaan pusat menganiaya Sabah sedangkan syarat untuk Sabah dan Sarawak adalah lebih baik daripada penyertaan negeri-negeri lain dalam Persekutuan.

Dr Mahathir berkata kerajaan pusat akan membuat kajian terhadap perjanjian itu selaras dengan peruntukan dalam perjanjian itu untuk kajian dilakukan selepas 10 tahun. -- Lagi.

♥12/11/19-36MST

CNS3302

R GB 12-11 00153 BA551

b a h

Mahathir - Sabah 4 (akhir) Kuala Langat

Ketika menjawab soalan mengenai perkara-perkara yang menjadi perhatian untuk kajian, beliau berkata: +Tentang sekatan dia terhadap pergerakan orang ke Sabah dan bermacam-macam syarat lain seperti mana telah disebutkan oleh Encik Ghafar.+

Menjawab soalan lain mengenai kenyataan Pairin, yang dilaporkan berkata bahawa Perkara 20 itu seharusnya melibatkan kerajaan negeri dengan Kerajaan Pusat dan bukan parti politik, Dr Mahathir berkata:

+Kerajaan negeri dan kerajaan pusat tak payah debat... kita selesaikan perkara itu sudahlah.+

Perdana Menteri berkata kerajaan negeri itu bukan sahaja tidak hendak mengka ji per janjian berkenaan tetapi mahu mengubah semula perkara-perkara yang telah dipersetujui oleh kerajaan negeri dahulu.

Beliau memberikan contoh mengenai agama Islam yang sudahpun di jadikan agama rasmi negeri itu oleh kerajaan Usno dahulu.

+Dia hendak beri gambaran bahawa kita hendak paksas semua orang masuk Islam sedangkan ki-ta tak buat begitu,+ katanya. -- Bernama.

♥12/11/19-38MST